

15 NOV 2001

PBS-Permohonan

PBS HARAP PARTI KOMPONEN BN TERIMA KEMASUKANNYA

PUTRAJAYA, 15 Nov (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini mengemukakan permohonan untuk menganggotai semula Barisan Nasional dan berharap ia akan diterima dengan baik oleh parti-parti komponen gabungan itu.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata PBS ingin menyumbang kepada perpaduan dan pembangunan negara selain ingin turut serta dalam mencapai Wawasan 2020.

"Kami faham sekali dengan syarat bahawa semua parti BN perlu setuju, tetapi kami mengharapkan agar permohonan kami dapat diterima dengan baik," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Sebelum itu, beliau dan timbalannya Dr Maximus Ongkili menyerahkan permohonan PBS untuk menyertai BN kepada Dr Mahathir.

Perjumpaan yang diadakan pada pukul 5.30 petang itu berakhir setengah jam kemudian.

Pairin berkata beliau telah memohon maaf kepada Dr Mahathir berhubung tindakan PBS keluar daripada BN menjelang hari pengundian pada pilihan raya umum 1990.

"Saya beritahu beliau bahawa saya menyesal terhadap apa yang berlaku pada 1990 dan saya hargai beliau kerana dapat memaafkan PBS. Kami ingin lupakan insiden itu," katanya.

Pairin berkata mesyuaratnya dengan Dr Mahathir berlangsung dalam suasana baik dan gembira.

"Beliau terima rombongan PBS dengan mesra dan ini adalah baik," katanya.

Pairin berkata Dr Mahathir akan membawa permohonan PBS ke mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang akan datang.

Menurutnya tidak ada syarat dan tempoh tertentu diberikan kepada permohonan PBS itu.

Sebelum itu, Pairin yang diiringi 14 anggota Majlis Tertinggi PBS menemui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dua hari lepas, Majlis Tertinggi PBS membuat keputusan supaya parti itu memohon menyertai semula BN setelah diberi mandat oleh kongresnya kali ke-16 di Kota Kinabalu pada hari yang sama.

Parti itu kini mempunyai sembilan Anggota Dewan Undangan Negeri Sabah dan tiga Anggota Parlimen.

Jika permohonannya diterima, PBS akan menjadi komponen ke-14 dalam BN.

-- BERNAMA

AT NZ MAI